



INFO@KPKM

CUKUP DAN TERJAMIN

15 OGOS 2023 | WISMA TANI, PUTRAJAYA



KUNJUNGAN HORMAT DUTA BESAR REPUBLIK UZBEKISTAN KE ATAS YB MENTERI KPKM

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, telah menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Republik Uzbekistan, TYT Ravshan Usmanov beserta delegasinya di Wisma Tani pada 15 Ogos 2023.

Pertemuan ini bagi membincangkan usaha kedua-dua negara untuk memperkukuhkan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian terutamanya bagi menjamin sumber bekalan makanan yang stabil dan berkualiti.

Agenda perbincangan juga menjurus kepada prospek akses pasaran baharu produk pertanian seperti produk tambah nilai daripada daging ayam dan daging lembu termasuk produk sarang burung.

Selain itu, perbincangan juga berkisar mengenai cadangan Uzbekistan Center of Knowledge and Innovation in Agriculture untuk menandatangani memorandum persefahaman (MoU) kerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) terutamanya berkaitan beras, hortikultur dan baja.

Semasa pertemuan ini juga, Duta Besar Republik Uzbekistan menyampaikan jemputan daripada Menteri Pertanian Uzbekistan kepada YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk menghadiri *International Conference on Food Security (ICFS)* yang dijadualkan pada September depan di Samarkand, Uzbekistan.

ICFS ini adalah julung-julung kali diadakan dan dianjurkan Kerajaan Uzbekistan dengan kerjasama Food and Agriculture Organisation (FAO).

Pertemuan antara kedua-dua pemimpin ini turut dihadiri pegawai kanan KPKM serta jabatan dan agensi di bawahnya.

PROGRAM PENGHAYATAN NILAI ISLAM PERINGKAT KPKM TAHUN 2023

10 OGOS | WISMA TANI, PUTRAJAYA



KERAJAAN UMUM BERITA GEMBIRA BUAT PESAWAH DI PROGRAM SENTUHAN AGRO MADANI NEGERI PERAK

8 OGOS | PARIT BUNTAR, PERAK

YB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri, mengumumkan Kerajaan bersetuju untuk menambah baik Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) dengan meningkatkan kadar subsidi daripada RM360 per metrik tan kepada RM500 per metrik tan.

Dengan langkah ini pesawah akan menerima sekurang-kurangnya RM1700 per metrik tan dan secara langsung dapat meningkatkan pendapatan pesawah serta memberi motivasi kepada pesawah untuk meningkatkan pengeluaran.

Langkah ini dilaksanakan segera dan berkuat kuasa pada 9 Ogos 2023, pengumuman dibuat menerusi Program Sentuhan Agro MADANI Negeri Perak.

Kenaikan kadar SSHP melibatkan implikasi kewangan tambahan sekitar RM360 juta setahun dan jumlah peruntukan SSHP akan mencecah RM1 bilion setahun.

Kerajaan komited untuk menyemak semula mekanisme penggredan padi berdasarkan parameter pengilangan iaitu daripada segi kualiti, kelembapan dan kebersihan varieti padi bagi menjamin harga yang berpatutan dan adil kepada pesawah padi.



Dalam majlis yang sama, YAB Perdana Menteri turut menyampaikan bantuan berjumlah RM21.8 juta yang membolehkan 28,295 orang pesawah dan peladang di negeri Perak.

Bantuan-bantuan yang disampaikan adalah di bawah Program Pemerkasaan Usahawan Peladang (*Rise-UP*), Program Pemilikan Jentera Kecil dan Sederhana Secara Geran Padanan, Program Agripreneur, Dana Tabung Hijrah MADANI Agrobank, Bantuan Khas Sumbangan Tunai Kepada Pesawah dan Pusat Pengeluaran Benih Padi Sah.

Kementerian sentiasa cakna dalam menggalas tanggungjawab memastikan tahap bekalan makanan negara kekal terjamin. Inisiatif ini diharap dapat merealisasikan hasrat Kerajaan Perpaduan dalam menaikkan taraf sosio ekonomi pesawah dan menoktahkan kemiskinan tegar dalam kalangan masyarakat.



PKMK 2023 HIMPUN LEBIH 400 PESERTA BINCANG HALA TUJU DASAR PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA

16 OGOS | SERDANG, SELANGOR

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, menyempurnakan Majlis Penutup Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan (PKMK 2023) di Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dianjurkan bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan KPKM.

PKMK 2023 yang bertemakan "Kelestarian Produktiviti Makanan Negara" menghimpunkan lebih 400 peserta dalam kalangan penggubal dasar, ahli akademik, penyelidik, usahawan dan komuniti bagi membincangkan hala tuju dasar pertanian dan keterjaminan makanan negara.

YB Menteri juga menerima Resolusi Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2023 hasil dari perbincangan pakar bersama pemegang taruh dalam persidangan tersebut dan turut melancarkan program Agrobank Inkubator Pembangunan Belia Tani Dikalangan Siswazah (PROBEST).

Program PROBEST ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada usahawan golongan belia dengan pelbagai latihan *soft skills* serta bimbingan keusahawanan yang merangkumi modul seni urus kewangan, teknik pemasaran digital, pengembangan perniagaan dan pelbagai bentuk perkhidmatan perniagaan.

Melalui persidangan ini peserta berpeluang berkongsi ilmu dan hasil penyelidikan serta membincangkan isu-isu keterjaminan makanan dalam negara secara intensif selain membentuk kerjasama di antara institusi awam dan swasta, industri dan komuniti pertanian ke arah mencapai pertanian lestari dan kestabilan.

Sejajar dengan bidang tujuhan utama iaitu penyelidikan berasaskan pertanian, UPM mempunyai kekuatan dalam pelbagai skop pertanian termasuk penggunaan teknologi tinggi serta inovasi baharu yang mampu mengajak sekuriti makanan negara.

FORUM EKSEKUTIF KEMERDEKAAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

17 OGOS | KUALA LUMPUR

KPKM telah menganjurkan Forum Eksekutif Merdeka bertajuk Tadbir Urus Terbaik dalam Sektor Awam dibarisi oleh dua orang ahli panel iaitu Tan Sri Ambrin Buang, Mantan Ketua Audit Negara dan Tan Sri Abu Kassim Mohamed, Mantan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Penganjuran bertujuan bagi mengupas berkenaan isu dan cabaran dalam mendukung tadbir urus terbaik sektor awam bersama Fahrin Ahmad selaku moderator forum.

Program berlangsung di Dewan Tan Sri Abu Zahar, Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) ini disempurnakan oleh Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Hadir sama, Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM dan barisan Pengurusan Tertinggi, jabatan dan agensi.

YB Menteri menyeru kepada semua warga KPKM agar mengambil prinsip amanah sebagai paksi utama dalam memenuhi tanggungjawab dengan tadbir urus yang baik dan mencipta tata kelola MADANI yang selari dengan citra Malaysia.

Menurutnya tadbir urus terbaik amat diperlukan supaya lonjakan ke masa hadapan menjadi lebih pantas dan seiring zaman serta tidak sekadar mengekalkan *status-quo* yang lapuk.

Lafaz Ikrar Bebas Rasuah turut diadakan sebagai pembuktian bahawa warga KPKM komited dalam memerangi rasuah di peringkat kementerian.

Majlis menandatangani Ikrar Bebas Rasuah disaksikan oleh Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki.



SESI PENYERAHAN KIT AGROMAKANAN KEPADA PASUKAN BOLING PADANG MALAYSIA

18 OGOS | WISMA TANI, PUTRAJAYA

KPKM telah mengadakan sesi Penyerahan Sumbangan Produk Agromakanan kepada para atlet negara yang akan mewakili Malaysia di Kejohanan Dunia Boling Padang 2023 di Gold Coast, Australia pada 29 Ogos hingga 10 September 2023 ini.

Sesi penyerahan itu diadakan di Nexus Agri-Business Development Centre (BDC), Wisma Tani dan disampaikan oleh Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI) Encik Khalid bin Ibrahim.

Inisiatif penyediaan Kit Agromakanan merupakan usaha berterusan KPKM dalam mempromosikan produk agromakanan sehingga ke peringkat global melalui pelbagai platform termasuklah aktiviti sukan di peringkat antarabangsa.

Produk agromakanan di bawah label Agromas dan peladang antara jenama produk yang disumbangkan kepada para atlet tersebut.



PROGRAM SANTAI AGRO MADANI PENUAIAN PADI PROJEK SMART SAWAH BERSKALA BESAR MINI SEKINCHAN MADA

21 OGOS | KG LAT 1000, PERLIS

KPKM mengaplikasi model dan amalan pertanian baik di Kawasan Muda melalui pelaksanaan Projek Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Mini Sekinchan MADA sebagai tanda inisiatif kerajaan dalam melonjakkan pembangunan industri padi dan beras negara ke tahap yang lebih baik serta mampu mengurangkan kebergantungan kepada beras import.

Projek ini dilaksanakan selama dua musim iaitu pada musim 1/2023 dan musim 2/2023 dengan jumlah keluasan seluas 172.968 hektar iaitu 97.70 hektar di Kampung Lat 1000, Simpang Empat Perlis terdiri daripada 28 orang peserta dan 75.268 hektar di Kampung Tok Mengkula, Ayer Hitam Kedah terdiri daripada 51 orang.

Projek SMART SBB Mini Sekinchan MADA menerapkan amalan pertanian berhasil tinggi dengan mempraktikkan *Knowledge, Attitude and Practice* yang diamalkan oleh pesawah di kawasan penanaman padi Sekinchan, Selangor.

Selain MADA, Bahagian Pembangunan Industri Padi di bawah KPKM, IADA Barat Laut Selangor dan Syarikat PLS Marketing juga terlibat dalam menjalankan dan menjayakan Projek SMART SBB Mini Sekinchan MADA ini.

Sempena Program Santai Agro MADANI, Yb Datuk Seri Mohammad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menyempurnakan sesi penuaian padi Projek SMART SBB Mini Sekinchan MADA bertempat di Kampung Lat 1000, Simpang Empat, Perlis.

Pihak MADA akan meneruskan Projek SMART SBB ini di Kawasan MADA Wilayah II, Jitra iaitu Kampung Tok Mengkula, Ayer Hitam Kedah, Kawasan MADA Wilayah III, Pendang iaitu Projek PPS Gulau dan Kawasan MADA Wilayah IV, Kampung Tok Jering.

Projek SMART SBB Mini Sekinchan MADA dijangkakan dapat membantu dalam meningkatkan hasil tanaman padi peserta projek kearah 8.00 metrik/tan dan dapat meningkatkan 80% keperluan SSL beras negara menjelang tahun 2030.



LAWATAN KERJA YB MENTERI KPKM KE PROJEK TANAMAN JAGUNG BIJIAN DI LEMBAH CHUPING DAN PAUH, PERLIS

22 OGOS | PERLIS

Datuk Seri Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, telah mengadakan lawatan kerja ke tapak projek penanaman jagung dan Loji Pemprosesan Jagung Bijian di Lembah Chuping, Perlis.

Lawatan ini bertujuan untuk memantau perkembangan dan meninjau proses penanaman jagung bijian yang diusahakan melalui kerjasama strategik antara jabatan pertanian dan syarikat peneraju.

Penanaman jagung bijian ini diterajui oleh syarikat Green World Genetics Sdn. Bhd. (GWG).

Pendekatan penanaman yang digunakan oleh syarikat GWG adalah ladang kontrak (*contract grower*) yang terdapat lapan *outgrower* yang terdiri daripada agensi, syarikat dan individu yang bernaung di bawah GWG.

Melalui pendekatan ini, GWG akan membeli balik hasil tanaman daripada *outgrower* pada kadar yang telah dipersetujui.

Jumlah keseluruhan keluasan tanaman jagung bijian di negeri Perlis pada masa ini adalah 177 hektar.

Pada tahun 2023, sebanyak RM13 juta telah diperuntukkan oleh KPKM bagi pembangunan industri jagung bijian ini melalui Program Keterjaminan Makanan.

Skop peruntukan termasuk kajian dan penyelidikan, pemutuan kualiti, perolehan jentera dan juga penanaman.

Insentif yang disediakan bagi penanaman adalah dalam bentuk geran secara *reimbursement* dan *matching grant* bagi pembelian mekanisasi dan juga insentif secara *in-kind* kepada syarikat swasta dan juga petani.

Syarikat atau koperasi dengan keluasan tanaman jagung bijian minima 25 hektar layak dipertimbangkan *reimbursement* perladangan dan *matching grant* dengan kadar 40:60 yang meliputi bantuan maksimum sebanyak RM250,000.00 bagi setiap insentif.

Bantuan secara *in-kind* dengan kadar RM20,000.00/hektar turut diberikan kepada individu atau kelompok petani dengan keluasan tanaman sehingga 10 hektar.

Program Pembangunan Jagung Bijian merupakan antara fokus utama kementerian bagi menghasilkan sekurang-kurangnya 30% daripada keperluan domestik sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada import menjelang tahun 2032.

Program ini juga memberi pendedahan mengenai teknologi penanaman jagung bijian dan amalan pertanian baik yang dilaksanakan bagi menghasilkan jagung bijian yang berkualiti.

Satu *blueprint* Pembangunan Industri Jagung Bijian telah dibangunkan menggariskan hala tuju dan langkah-langkah bagi mewujudkan industri jagung bijian yang dinamik untuk mencapai sasaran penghasilan domestik sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2032.

Turut hadir, Christopher John Biai, Pengarah Bahagian Pembangunan Industri Tanaman Jabatan Pertanian, Hafizuddin Othman, Pengarah Pertanian negeri Perlis, Pengerusi dan Pengurus Besar, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), wakil daripada bahagian, jabatan dan agensi di bawah KPKM serta wakil syarikat dan petani.



MARDI TERUS UNGGUL DENGAN PENGANJURAN SHOWCASE TEKNOLOGI MARDI 2023

25 OGOS | MAEPSSERDANG, SELANGOR

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menyempurnakan majlis perasmian Pameran Teknologi dan Inovasi Pertanian (Show-tech MARDI 2023) anjuran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang bermula 25 Ogos hingga 27 Ogos yang lalu di Taman Ekspo Agro Malaysia Serdang (MAEPS).

Tema 'Peneraju Inovasi Agroteknologi' adalah bertepatan dengan mandat MARDI dalam menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan teknologi dan inovasi dalam bidang pertanian. Teknologi yang mapan dapat mengukuhkan agenda keterjaminan makanan negara.

Show-Tech MARDI 2023 adalah platform untuk mempamerkan dan menghebahkan teknologi dan inovasi pertanian hasil penyelidikan MARDI sejak 50 tahun yang lalu kepada masyarakat dan pemain industri.

Bagi memastikan objektif jaminan sekuriti makanan negara tercapai, proses pemindahan teknologi adalah penting bagi meningkatkan kelestarian sumber pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan penyediaan makanan negara.

Pemindahan teknologi pertanian dapat memberi manfaat kepada masyarakat sekiranya ia dapat diaplikasikan secara efektif di lapangan.

Pendekatan bersepadu oleh agen-agen pengembangan dan penjana teknologi perlu diambil bagi memastikan berlaku seiring dengan peralihan zaman.

Show-tech MARDI 2023 diharap mampu menjadi aspirasi bagi memastikan kelancaran dan kerancangan aktiviti pemindahan teknologi kepada golongan sasaran seterusnya memastikan kelangsungan dan jaminan bekalan makanan negara.

Terdapat lebih 300 Teknologi dan Inovasi Pertanian dipamerkan di Show-tech MARDI 2023 iaitu tanaman hortikultur, tanaman makanan iaitu padi dan tanaman industri, ternakan, teknologi makanan, mekanisasi, pemindahan teknologi dan agropelancongan.

Sempena majlis perasmian ini, YB Menteri KPKM turut melancarkan 3 varieti bawang merah MARDI iaitu BAW-1, BAW-2 dan BAW-3 dan dua (2) buah buku dari Penerbit MARDI iaitu Buku Teknologi Pengeluaran Jagung Bijian dan Buku Merungkai Sistem Penanda Molekul.



SESI LIBAT URUS YB MENTERI KPKM BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI KPKM: MENDEPANI MEDIA

29 OGOS | CYBERVIEW RESORT & SPA, CYBERJAYA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Unit Komunikasi Korporat (UKK) telah menganjurkan Sesi Libat Urus YB Menteri Bersama Pengurusan Tertinggi KPKM: Mendepani Media.

Sesi khusus untuk Pengurusan Tertinggi ini turut disertai YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Sesi libat urus yang dikendalikan oleh Tuan Sayed Munawar ini adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman jelas akan peranan penting yang harus dimainkan oleh Pengurusan Tertinggi KPKM dalam menghadapi isu dan cabaran keterjaminan makanan yang dimainkan oleh media.

Selain itu, sesi ini juga bagi meningkatkan keupayaan dalam pengurusan media untuk membangunkan pemikiran golongan sasar KPKM dan rakyat dengan penyebaran maklumat yang lebih jelas, telus dan bertetapan dengan hasrat Malaysia MADANI.

Sesi libat urus ini melibatkan 3 slot iaitu *Basic of Communication*, *Profiling* dan *Mendepani Media*.

Turut hadir YBhg Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha KPKM; YBhg Datuk Chamil Wariya, Pengerusi MPI, Pengerusi Agensi di bawah KPKM dan Pengurusan Tertinggi KPKM serta KUKK jabatan dan agensi KPKM.



PEMANGKIN DIGITAL AGTECH

3 OGOS | CYBERJAYA

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) telah melancarkan *PEMANGKIN Digital AgTech* dan mengalu-alukan kerjasama strategik ke arah pembangunan *Digital AgTech*.

Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) juga telah dilakukan bersama rakan kongsi ekosistem utama yang akan membuka laluan kepada inisiatif bersama untuk mempercepatkan transformasi digital.

Turut hadir, YB Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, YB Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YB Tuan Syed Ibrahim Syed Noh, Pengerusi MDEC, Ts. Mahadhir Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Ybhg Datuk Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Yang Berusaha Tuan Suhaimi Ali, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia.



PROGRAM WALKABOUT YBTM KPKM DI JUALAN AGRO MADANI SEMPERNA SAMBUTAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KE-48 TAHUN

6 OGOS | SINGAI PETANI, KEDAH

YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menghadiri dan menyempurnakan Program Walkabout Jualan Agro MADANI anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang di Pasar Tani Sungai Petani, Kedah yang diadakan pada 6 Ogos 2023 bersempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) Ke-48 Tahun 2023.

Program ini diadakan bagi menghargai jasa serta peranan penting golongan peladang, penternak dan nelayan dalam membentuk hala tuju negara sejak era Bapa Pembangunan Negara, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, yang telah mengistiharkan tarikh 6 Ogos sebagai sambutan HPPNK pada tahun 1975.

Golongan peladang, penternak dan nelayan diibarat sebagai tunjang yang menyediakan sumber makanan dan nutrisi kepada rakyat dan akan terus kekal sebagai elemen terpenting kepada rakyat dan pembangunan negara.

Disamping itu, Jualan Agro MADANI ini turut memperkenalkan produk makanan dibawah jenama 'Peladang' dan memberi peluang kepada usahawan peladang untuk sama-sama mempertingkatkan kuantiti dan kualiti pengeluaran yang berdaya saing.

Ini juga satu usaha dan inisiatif kerajaan dalam membantu rakyat dalam menangani peningkatan kos sara hidup melalui jualan hasil segar dari ladang dan produk industri asas tani yang dikeluarkan oleh Usahawan Peladang dan Pertubuhan Peladang (PP).

Terdapat 30 *booth* jualan yang menawarkan pelbagai hasil pertanian segar dari ladang seperti ayam bulat, telur, beras dan minyak yang boleh diperolehi pada harga yang berpatutan.

Sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat setempat untuk mendapatkan bahan makanan pada harga yang berpatutan dan berkualiti memberi impak yang besar terhadap permintaan dan penawaran bahan makanan yang dijual.

Seterusnya dapat meningkatkan semangat dan komitmen golongan peladang, penternak dan nelayan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti untuk memastikan bekalan sektor agro makanan yang konsisten, berdaya saing, lestari serta terjamin ketersediaan dan kecukupannya di pasaran.



29 OGOS | PASARTANI, PUTRAJAYA



PROGRAM PELANCARAN JUALAN KHAS AGRO MADANI BULAN KEMERDEKAAN

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menjenamakan semula Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) kepada Jualan Agro MADANI.

Ia untuk memudahkan rakyat mendapatkan akses kepada bahan makanan segar pada harga yang berpatutan,

Bersempena dengan Hari Kebangsaan yang ke-66, gerai-gerai jualan Agro MADANI di Pasar Tani Putrajaya telah dihiasi dengan Jalur Gemilang bagi menaikkan semangat patriotik dalam kalangan usahawan dan pengunjung.

Selain itu, YB Tuan Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut mengedarkan bendera Malaysia kepada pengunjung dan telah melancarkan jualan "happy hour" Kombo MADANI Merdeka 66 berharga RM6.60 per unit.

Pelaksanaan program Jualan Agro MADANI ini diperluaskan lagi selaras dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 (HKHM2023) iaitu "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan" yang menunjukkan bahawa Kerajaan Perpaduan tekad dalam membantu rakyat menangani kos sara hidup.

KUKUH AGENDA SEKURITI MAKANAN NEGARA

15 OGOS | SERDANG, SELANGOR

YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi telah merasmikan Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2023 di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 15 Ogos yang lalu.

Persidangan selama dua hari ini dianjurkan oleh UPM bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Pada persidangan ini, YB Menteri KPT turut merasmikan varieti padi baharu kajian UPM iaitu Padi Putra 1 dan Padi Putra 2 yang dijangka memberikan hasil yang tinggi serta tahan penyakit.

Persidangan ini diteruskan dengan ucapan daripada YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bertajuk Kelestarian Produktiviti Pertanian untuk Keterjaminan Makanan Negara.

KUNJUNGAN HORMAT DARI PADA TYT KANADA KE ATAS KSU KPKM

21 OGOS | WISMA TANI, PUTRAJAYA

YBhg. Datuk Lokman Hakim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah menerima kunjungan hormat daripada TYT Rob Stewart, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Kanada pada 21 Ogos 2023 yang lalu di Wisma Tani, Putrajaya.

Lawatan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Kanada ke Malaysia adalah untuk memperkukuhkan kerjasama perdagangan dua hala antara kedua-dua negara termasuk dalam sektor pertanian. Malaysia kini mengimport produk pertanian daripada Kanada termasuk bijirin dan soya.

Kanada juga memiliki prospek membekalkan input baja kepada Malaysia bagi memenuhi keperluan pertanian.

Perjumpaan ini turut menyentuh mengenai prospek akses pasaran baharu produk pertanian dan kerjasama strategik dalam bidang teknikal terutamanya melalui bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) di bawah Strategi Indo-Pasifik.

Kanada melihat Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai potensi dan kestabilan tinggi bagi pengembangan pasaran terutamanya produk pertanian.



BENGKEL PELAKSANAAN INISIATIF SEMAKAN SEMULA MAKLUMAT PELESENAN KE ARAH MEMUDAHKAN PERNIAGAAN KPKM

23 OGOS | WISMA TANI, PUTRAJAYA


Pada 21 dan 22 Ogos 2023 yang lalu, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama-sama Perbadanan Produktiviti Malaysia telah menganjurkan "Bengkel Pelaksanaan Inisiatif Semakan Semula Maklumat Pelesenan ke Arah Memudahkan Perniagaan" yang bertempat di Agrifood Business Development Centre, KPKM.

"Inisiatif Memudahkan Urusan Perniagaan" ini diterajui oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) selaku urusetia Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) di bawah Majlis Tindakan Malaysia Madani (MTMM). KPKM merupakan salah satu Kementerian yang telah diberi keutamaan untuk disemak semula peraturan, prosedur dan syarat perlesenan melibatkan bahagian, jabatan, agensi di bawah kawal selia KPKM bagi tujuan menambah baik urusan menjalankan perniagaan.

Bengkel ini telah disertai oleh lapan jabatan pengeluar lesen di bawah KPKM iaitu Kawalselia Padi dan Beras (KPB), Jabatan Pertanian (DOA), Jabatan Perikanan (DOF), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pembangunan Industri Nanas serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Lebih 50 jenis pelesenan telah disemak untuk mengenal pasti kos peraturan kepada pihak industri, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap pelesenan tersebut.

Cadangan penambahbaikan ini akan disemak oleh beberapa peringkat sebelum dilaksanakan dan dinilai kesan pelaksanaan terhadap urusan perniagaan.



MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN SEMPENA PROGRAM AMAF KE-44 SECARA DALAM TALIAN ANJURAN LAO PDR

23 OGOS | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Agenda mengenai pengukuhan sekuriti makanan, perubahan iklim, kemampan dan daya tahan sistem makanan di rantau ASEAN menjadi tumpuan utama perbincangan pegawai-pegawai kanan negara-negara anggota ASEAN yang hadir secara dalam talian.

Tiga mesyuarat utama iaitu Mesyuarat Khas Pegawai- Pegawai Kanan Kali ke-22 AMAF Campur Tiga (SSOM 22nd AMAF Plus Three), Mesyuarat Pegawai-PEGAWAI Kanan ASEAN-Jepun bagi Menteri Pertanian dan Perhutanan (SOM-AJMAF) dan Mesyuarat kali ke-8 Pegawai-PEGAWAI Kanan ASEAN- Rusia mengenai Pertanian (8th ARSOMA).

Mesyuarat Khas SSOM 22nd AMAF Plus Three mengambil maklum akan kemajuan aktiviti-aktiviti yang dilaporkan di bawah Rangka Strategi Kerjasama ASEAN Campur Tiga mengenai makanan, pertanian dan perhutanan bagi tempoh 2016-2025.

China telah melaksanakan 26 projek kerjasama bersama AMS berlandaskan konsep 4S iaitu selamat dan terjamin, mampan, pintar dan stabil (*Secure & Safe, Sustainable, Smart and Stable*) dalam bidang keterjaminan makanan, perubahan iklim, kawalan dan pencegahan penyakit tumbuhan dan haiwan, pembangunan kapasiti, pengeluaran dan pemasaran, penyelidikan dan kualiti serta keselamatan makanan.

Malaysia juga menyampaikan penghargaan kepada Jepun di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam pembangunan kapasiti para petani mangga harumanis bagi Koperasi Usahawan Harumanis Perlis Berhad (KOHAMAS) di bawah pengukuhan sistem rantai makanan negara-negara anggota ASEAN.

Projek tersebut bukan sahaja telah membantu para petani mendapat latihan kemahiran, malah menyumbang kepada peningkatan pengeluaran kualiti dan kuantiti buah mangga harumanis melalui amalan pertanian terbaik (MyGAP).

Bagi kerjasama pertanian di antara ASEAN-Korea, Malaysia menyatakan minat untuk menyertai projek-projek yang berkaitan dengan penubuhan ladang pintar di ASEAN.

Malaysia percaya mampu memperoleh manfaat pengetahuan dan *skill* ladang pintar daripada Korea termasuk applikasi teknologi ladang pintar dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti produk pertanian demi kesejahteraan para petani.

Inisiatif ini memberi manfaat kepada Malaysia dan negara anggota ASEAN yang lain, serta memudahkan perdagangan produk pertanian di antara ASEAN-Korea, selaku rakan dagang strategik ASEAN yang penting.

Malaysia juga menyatakan sokongan terhadap cadangan MAFF dan ASEC untuk mengadakan simposium bagi AMS untuk mempromosikan pertanian dan sistem makanan yang mampan dan berdaya tahan melalui inovasi pada bulan November 2023 di Jakarta, Indonesia

Mesyuarat the 8th ARSOMA bersama ASEAN-Rusia telah diketuai oleh YBhg. Dato' Adnan Hussain, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan (DOF) Malaysia. Laporan berhubung kemajuan program kerja bagi kerjasama pertanian dan sekuriti makanan ASEAN-Rusia telah dibentangkan.

Malaysia turut membentang satu projek teknikal baharu berkaitan pembangunan kapasiti dalam amalan terbaik dan mitigasi kemerosotan tanah di negara ASEAN dan Rusia (*Technical Workshop on Best Management Practices in Mitigating Soil Degradation in ASEAN Countries and Russia*).

Projek tersebut mendapat sokongan daripada wakil SOM Rusia yang meminta supaya ia segera diterima pakai (*adopted*).

Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa Malaysia akan menganjurkan Mesyuarat the 9th ARSOMA mengikut penggiliran dan mengalu-alukan penyertaan dan ketibaan delegasi daripada AMS dan Rusia ke Malaysia pada tahun 2024.



PROGRAM KIBAR JALUNG GEMILANG PERINGKAT KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN TAHUN 2023

22 OGOS | WISMA TANI, PUTRAJAYA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah mengadakan Program Kibar Jalur Gemilang Peringkat Kementerian sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2023.

Program ini diadakan sebagai salah satu pengisian bagi menyambut kehadiran panel juri penilai bagi Program Keceriahan Antara Kementerian anjuran Jabatan Penerangan Malaysia melalui Kementerian Komunikasi dan Digital. Kehadiran panel juri telah disambut oleh YBrs. Puan Habshah binti Ali, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan) diiringi YBrs. Puan Azura binti Abdullah, Setiausaha Bahagian Pentadbiran.



PELEPASAN SISA AIR RADIOAKTIF TERAWAT FUKUSHIMA

1 Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

akan memberikan kerjasama kepada KKM bagi memastikan hasil perikanan di pasaran adalah bebas bahan pencemar

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

PELEPASAN SISA AIR RADIOAKTIF TERAWAT FUKUSHIMA

2 Pihak DOF juga mengingatkan semua pengimport produk hasil perikanan Jepun supaya mematuhi peraturan import dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dalam negara bagi memastikan makanan yang diimport adalah selamat

Setiap konsainan perlu mempunyai Sijil Kesihatan oleh Pihak berkuasa Negara Jepun

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

PELEPASAN SISA AIR RADIOAKTIF TERAWAT FUKUSHIMA

3 DOF akan memastikan import ikan marin (hidup) adalah bebas daripada kandungan cemaran radionuklid dan setiap konsainan perlu mempunyai Sijil Kesihatan ikan daripada negara pengimport yang sedang berkuatkuasa

Semua pengimport konsainan ikan hidup perlu memohon permit import daripada MAQIS dan mematuhi syarat-syarat permit import yang telah dinyatakan oleh DOF di dalam permit MAQIS tersebut

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

PELEPASAN SISA AIR RADIOAKTIF TERAWAT FUKUSHIMA

4 Malaysia mengimport hasil perikanan bagi tujuan makanan daripada negara Jepun secara sejuk beku iaitu produk ikan sardin dan ikan mackerel

Manakala, bagi ikan hidup daripada Jepun, Malaysia hanya mengimport ikan hiasan (Air Tawar) seperti Koi Carp (Cyprinus carpio)

Pengimportan ikan hidup ini hanya melibatkan ikan hiasan air tawar sahaja dan bukan ikan marin

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

GANTUNG LESEN JIKA PENGELOUAR, PEMBORONG DAN PERUNCIT TIDAK MEMATUHI AKTA KAWALAN PADI DAN BERAS 1994 (AKTA 522)

1 Bekalan benih padi sah hanya dikeluarkan oleh pengeluar padi sah yang dilantik oleh Kerajaan seperti termaktub di dalam Perintah Tetap Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras Bilangan 1/2021: Kawalan Kerajaan ke Atas Pengeluar dan Pemasaran Benih berkuatkuasa 11 November 2021

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

GANTUNG LESEN JIKA PENGELOUAR, PEMBORONG DAN PERUNCIT TIDAK MEMATUHI AKTA KAWALAN PADI DAN BERAS 1994 (AKTA 522)

2 Pengeluar/pemborong hendaklah memastikan penjualan benih padi sah tidak melebihi daripada kuota yang telah diberikan dan harga yang dijual kepada peruncit tidak melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan iaitu RM31.00 per kampak 20kg jualan benih di pintu kilang manakala harga maksimum RM32.00 per kampak 20kg termasuk pengangkutan

Jualan benih padi sah pada peringkat runcit kepada pesawah dijual tidak melebihi harga maksimum iaitu RM35.00 per kampak 20kg

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

GANTUNG LESEN JIKA PENGELOUAR, PEMBORONG DAN PERUNCIT TIDAK MEMATUHI AKTA KAWALAN PADI DAN BERAS 1994 (AKTA 522)

3 Kegagalan untuk melaksanakan arahan ini dan mematuhi Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522], Kementerian melalui kuasa Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras berhak untuk membatalkan atau menggantung setiap lesen yang telah dikeluarkan

Sebarang maklumat atau aduan, hubungi:

- Kawalselia Padi dan Beras (KPBB), KPBM
- Portal Aduan KPB : <http://akpb.kpkm.gov.my/adu>
- E-mel Rasmi : aduankpb@kpkm.gov.my
- Hotline Ibu Pejabat KPB Putrajaya : 03-8870 1751/1748/1183

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

PENINGKATAN HASIL PADI PALING TINGGI DI KAWASAN MADA

Hasil pendapatan para pesawah yang terlibat dengan Projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan MADA di Kampung Lat 1000, Perlis meningkat sehingga 50% selepas hasil meningkat kepada 10.45 metrik tan/sehektar

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

OPERASI BERAS PUTIH TEMPATAN (OP BPT)

DILAKSANAKAN MULAI 16 OGOS 2023

OP BPT memberi fokus pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas kilang padi (komersial) dan pemborong beras.

Tindakan undang-undang akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati membuat kenyataan palsu mengenai grad beras di bawah Seksyen 21 Akta Kawalselia Padi dan Beras [Akta 522] boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- Individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM25,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh dua tahun atau kedua-duanya dan;
- Syarikat boleh didenda sehingga RM50,000.00.

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

BEKALAN DAGING NEGARA SELAMAT DAN TERJAMIN

Bekalan daging dalam negara adalah mencukupi

Import daging secara sejuk beku dari Australia adalah dibenarkan

Penggantungan import ternakan hidup lembu dan kerbau dari Australia pada 4 Ogos 2023 adalah sementara sebagai langkah berjaga-jaga

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

SENTUHAN AGRO MADANI TAMBAH BAIK SKIM SUBSIDI HARGA PADI (SSHP)

Kerajaan bersetuju meningkatkan kadar subsidi harga padi daripada RM360 per metrik tan kepada RM500 per metrik tan bermula 9 Ogos 2023

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

EKONOMI MADANI TAMBAH BAIK TAHAP SARA DIRI (SSL)

TINGKATKAN KETERJAMINAN MAKANAN

- Mengoptimumkan penggunaan tanah-tanah pertanian sedia ada
- Meningkatkan daya tahan sektor agromakanan melalui aplikasi teknologi pertanian bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran produk untuk manfaat petani kecil
- Menambah baik infrastruktur pengairan kawasan MADA di Kedah dan Perlis bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi kepada 5 musim dalam tempoh 2 tahun
- RM200 juta disediakan di bawah AGROBANK untuk membantu menyediakan kemudahan pembiayaan khususnya untuk aplikasi teknologi moden pertanian

www.kpkm.gov.my @kpkm-malaysia

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:
DATUK LOKMAN HAKIM ALI
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KETUA EDITOR:
MOHAMMAD
EZRI BIN
SHAMSUDDIN

EDITOR:
NURIL
MUTMAINNAH
BINTI ROSLAN

PENULIS:
SAIYASWARY
A/P
SURNARAYANA

GRAFIK:
NABILLAH
BINTI
ZAMRI

JURU FOTO:
MOHAMAD
YASIN BIN
JAMAL

MOHD NAJIB BIN
ABDUL JABAR

IDEA, KONSEP & TERBITAN:
UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT, KPBM